



Kenyataan Media

SIASATAN MCMC BERHUBUNG DAKWAAN TERHADAP AHLI PARLIMEN PAGOH MASIH BERJALAN

CYBERJAYA, 9 September 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) masih menjalankan siasatan berhubung dakwaan yang melibatkan Ahli Parlimen Pagoh dengan isu pemberian subsidi RON95.

Semakan awal terhadap kandungan yang tular di platform media sosial telah dilaksanakan, melibatkan kerjasama daripada penyedia platform berkenaan.

Bagaimanapun, MCMC masih menunggu maklumat lanjut daripada pihak TikTok bagi melengkapkan siasatan.

Sehingga kini, hasil siasatan yang diperoleh telah dirujuk kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk penelitian serta arahan selanjutnya.

MCMC akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memastikan siasatan dijalankan dengan penuh integriti dan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my

